

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 JUNE 2017

Dr Mahathir sedia timbang jadi PM kali kedua

BH- 2/6/2017 ps. 14

➔ **Hasrat Penasihat PPBM dinyatakan dalam temu bual menerusi siaran langsung Facebook**

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad bersedia mempertimbangkan jawatan Perdana Menteri jika Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Kesediaan Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu untuk menjadi Perdana Menteri Ke-7 dinyatakan dalam temu bual 'Hang Tanya Che Det Jawab' menerusi siaran langsung Facebook rasminya semalam, walaupun sebelum ini berpandangan calon jawatan itu hanya boleh ditentukan jika PH menang PRU-14.

"Saya tidak boleh membela-kangkan rakan dalam PH, kalau mereka ada cadangan itu (memilihnya menjadi Perdana Menteri) dan dipersetujui, mungkin saya terpaksa menimbang (jawatan Perdana Menteri).

"Tetapi buat masa ini saya tidak bersetuju jadi Perdana Menteri, selepas saya bersara saya takkan jadi Perdana Menteri lagi," katanya.

Dr Mahathir menjawab soa-

lan dikemukakan pemilik akaun Facebook yang mengikuti sesi temu bual berkenaan yang mahu mengetahui sama ada beliau berminat untuk menjadi Perdana Menteri jika diminta oleh rakyat dan PH menawan Putrajaya pada PRU-14.

Bulan lalu, Angkatan Muda Keadilan (AMK) menamakan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri, manakala Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diletakkan sebagai perdana menteri peralihan sebelum proses pembebasan Anwar dapat di-realisasikan.

Mahu pandangan diambil kira

Sementara itu, menjawab soalan jika tidak berminat dengan jawatan Perdana Menteri, apakah peranan yang diambil andai PH berjaya menumbangkan kerajaan BN, Dr Mahathir berkata sekurang-kurangnya pandangan beliau diambil kira oleh parti pemerintah berhubung isu atau masalah dihadapi negara.

"Saya menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, saya mempunyai banyak pengalaman

dan maklumat mungkin berguna... kalau saya diberi peluang untuk memberi pendapat, kalau ada soalan (isu/masalah) yang memerlukan perbincangan, saya bersedia mengambil bahagian untuk mencari penyelesaian kepada masalah dihadapi," katanya.

Dr Mahathir berkata, penubuhan jawatankuasa dianggotai pakar dalam bidang berkaitan adalah agenda pertama beliau bagi membantu ekonomi negara jika ditakdirkan menjadi Perdana Menteri atau penasihat kerajaan.

Katanya, menerusi jawatankuasa itu, kerajaan akan mendapat maklumat setiap hari bagi memahami keadaan yang sedang berlaku dan ahli jawatankuasa bebas memberikan cadangan kaedah mengatasi masalah itu.

"Ini cara yang saya guna ketika krisis mata wang... dengan ada pakar termasuk menteri juga orang yang pakar dalam bidang ini, saya dapati banyak cadangan yang disuarakan dan boleh dipertimbangkan.

"Itulah sebabnya, saya bersetuju dengan cara kawalan mata wang untuk mengatasi kejatuhan nilai ringgit," katanya.